

B 8800 DEB

MAHATHIR - SABAH
(I)

1985
SUBANG, 29 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MERESTUI TINDAKAN DATUK MUSA HITAM DALAM MENGENDALIKAN KEADAAN BERIKUTAN DARIPADA PILIHANRAYA NEGERI SABAH PADA 22 APRIL YANG MENJATUHKAN PARTI BERJAYA OLEH PARTI BERSATU SABAH (PBS).

+BELIAU (DATUK MUSA HITAM) MENDAPAT SOKONGAN PENUH DARIPADA SAYA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA APABILA DIMINTA MENGULAS MENGENAI TINDAKAN DATUK MUSA MENOLAK PERMINTAAN PRESIDEN BERJAYA DATUK HARRIS SALLEH UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN CAMPURAN DENGAN USNO BERIKUTAN KEKALAHANNYA.

+BELIAU (DATUK MUSA) ADALAH PEMANGKU PERDANA MENTERI DAN TELAH DIBERI KUASA PENUH UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN. BELIAU TELAH MEMBUAT KEPUTUSANNYA DAN SAYA MENYOKONG BELIAU, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DI SINI DARIPADA LAWATAN 20 HARINYA KE NEGARA-NEGARA SCANDINAVIA DAN AUSTRIA.

BELIAU MENGULAS KENYATAAN DATUK MUSA SELEPAS PILIHANRAYA ITU YANG BN AKAN TERUS MENGHORMATI HASRAT MAJORITI BERDABARKAN PRINSIP DEMOKRASI BERPARLIMEN.

DATUK MUSA MENGELUARKAN KENYATAAN ITU BERIKUTAN CUBAAN YANG GAGAL OLEH BERJAYA DAN USNO UNTUK +MENGUASAI NEGERI ITU+, BERIKUTAN KEMENANGAN BESAR PBS DALAM PILIHANRAYA ITU. -- LAGI

2126MST 29 04 85

D077

B 8802 DEB

MAHATHIR - SABAH 2 SUBANG

MENGENAI CUBAAN MERAMPAS KUASA YANG GAGAL ITU, PERDANA MENTERI SELAKU PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA, BELIAU AKAN MENGAJAI PERKARA ITU DENGAN TELITI SEBELUM MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN.

+KITA PERLU MENGETAHUI APA YANG SEBENARNYA BERLAKU.+

BERIKUTAN KEJADIAN ITU, KETUA MENTERI SABAH YANG BARU, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN TELAH MENYERU KERAJAAN PUSAT MEMECAT BERJAYA DARIPADA BARISAN NASIONAL.

DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU TIDAK TAHU MENGENAI PEMECATAN ITU KERANA PBS BUKAN ANGGOTA BN DAN PBS HENDAKLAH MEMBERIKAN PENJELASAN MENGAPA BERJAYA HARUS DIPECAT DARIPADA BN.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA, SOAL PEMECATAN BERJAYA DARIPADA BN TIDAK TIMBUL SEKARANG.

DALAM PILIHANRAYA NEGERI SABAH BARU-BARU INI, PBS MEMPEROLEHI 25 KERUSI, USNO 16, BERJAYA 6 DAN PASOK SATU. PBS KEMUDIAN TELAH MENDAPAT EMPAT KERUSI LAGI, APABILA ANGGOTA PASOK YANG MENANG ITU DAN TIGA ANGGOTA BERJAYA MENYERTAINYA. -- LAGI
2136MST 29 04 85

MAHATHIR - SABAH 3 SUBANG

(I)

DR. MAHATHIR JUGA MENYAMPAIKAN PESANAN KEPADA PBS: + JADILAH SEBUAH KERAJAAN YANG BAIK.+

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA PADA MASA INI, KENYATAANNYA DI SATU PERHIMPUNAN DI KOTA KINABALU SEMASA KEMPEN PILIHANRAYA NEGERI SABAH BAHAWA +BN AKAN HIDUP DAN MATI BERSAMA BERJAYA+ MASIH DIPEGANG LAGI.

+YA, PADA MASA INI, IA MASIH DIPEGANG. SAYA TIDAK TAHU APAKAH YANG AKAN BERLAKU PADA MASA HADAPAN.+

PERDANA MENTERI JUGA MENGULANGI BAHAWA BARISAN NASIONAL AKAN MEMUTUSKAN MENGENAI PERMOHONAN PBS UNTUK MENYERTAI BN DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN PADA SUATU TARIKH YANG BELUM DITETAPKAN.

BELIAU JUGA MENEKANKAN KESEDIAANNYA UNTUK MENEMUI DATUK PAIRIN YANG INGIN MENEMUI BELIAU. DATUK HARRIS AKAN MENEMUI PERDANA MENTERI ESOK UNTUK MENYERAHKAN LAPORAN LENGKAP BERHUBUNG DENGAN KEKALAHAN BERJAYA DALAM PILIHANRAYA ITU. -- LAGI
2153MST 29 04 85

MAHATHIR - SABAH 4 SUBANG

KETIKA DITANYA DITANYA SAMA ADA, SECARA PERIBADI BELIAU MAHUKAN PBS MENYERTAI BN, PERDANA MENTERI MENJAWAB: +SAYA TIDAK MEMBUAT KOMEN PERIBADI. SAYA TIDAK AKAN MENCUBA MEMPENGARUHI SESIAPA MENGENAI PERKARA ITU SEBELUM IA DIBINCANGKAN.

+SAYA MEMBERIKAN SEMUA PIHAK PELUANG YANG ADIL UNTUK MEMUTUSKAN. SAYA PERLU BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKAN SAYA.

BELIAU MELAHIRKAN KEKECEWAAN TERHADAP KEKALAHAN BERJAYA TETAPI KATANYA, SATU KAJIAN YANG WAJAR TERPAKSA DIBUAT SEBELUM BN Mencari PUNCA KEKALAHAN ITU.

+SUDAH TENTU SAYA KECEWA,+ KATANYA APABILA DITANYA MENGENAI REAKSI PERTAMA BELIAU MENGENAI KEKALAHAN ITU.

SEMASA DITANYA MENGENAI PAKATAN BERJAYA-USNO SEPERTI YANG DIDAKWA, BELIAU BERKATA, BELIAU TIDAK SEDAR MENGENAI PERKARA ITU DAN MAHU TAHU LEBIH LANJUT LAGI PERKARA SEBENARNYA SEBELUM MEMBUAT SEBARANG ULASAN.

+IA BERLAKU SECARA MENDADAK. KITA PERLU MENIMBANGKAN KEADAAN PADA MASA ITU.+ -- BERNAMA
2200MST 29 04 85